



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# **POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

# PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA

**Assalamualaikum w.b.t.**

**Salam Sejahtera dan Salam Integriti**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia serta izin-Nya, kita berjaya membangunkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang bertujuan mengalakkan dan memudahkan warga KPDNHEP untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di KPDNHEP.

Polisi ini dibangunkan selaras dengan Inisiatif 4.3.5.1, Pelan Antirasuah Organisasi KPDNHEP 2019-2023 iaitu memperkenalkan dan memperkasakan pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blower Policy*).

Kementerian ini sentiasa berusaha untuk memastikan perkhidmatan dan urusan berkaitan dapat dilaksanakan dengan integriti yang tinggi, berkesan dan cemerlang. Pendedahan dan aduan daripada warga KPDNHEP amat diperlukan untuk melaporkan kelakuan tidak wajar yang berlaku supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

Oleh yang demikian, saya berharap agar panduan ini dapat digunakan oleh Warga KPDNHEP untuk tampil tanpa rasa gentar melaporkan apa jua perkara dan kelakuan tidak wajar yang menyalahi undang-undang dan peraturan sedia ada supaya dapat diberi perlindungan sewajarnya tertakluk pada syarat yang telah dinyatakan dalam polisi ini.

Sekian, salam hormat.

**DATUK SERI HJ. HASNOL ZAM ZAM BIN HJ.AHMAD**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna

**“ Pendedahan dan aduan daripada warga KPDNHEP amat diperlukan untuk melaporkan kelakuan tidak wajar yang berlaku supaya tindakan sewajarnya dapat diambil ”**



# KANDUNGAN

1. PENGENALAN .....	5
2. DEFINISI .....	6-7
3. TUJUAN .....	8
4. PEMAKAIAN .....	8
5. AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 (AKTA 711)	8-11
6. TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI .....	12
7. PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN PENDEDAHAN .....	12-13
8. PEMATUHAN .....	13
9. TARIKH KUATKUASA .....	13



**1.1** Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini bertujuan untuk menyokong secara langsung Visi, Misi, Objektif, Kod Etika dan Tadbir Urus Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), selaras dengan dengan Inisiatif 4.3.5.1, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) KPDNHEP 2019-2023 berkenaan pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistle Blower Policy*).

**1.2** Antara risiko yang telah dikenalpasti melalui OACP KPDNHEP ini adalah sepertimana dalam Objektif Strategik 4.3.5.1 iaitu berkaitan dengan ketiadaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat di peringkat Kementerian yang menyebabkan pegawai berasa takut dan terancam untuk menyalurkan maklumat rasuah dan salah laku.

**1.3** Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat ini juga bertujuan menggalakkan dan memudahkan warga KPDNHEP untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di KPDNHEP.

Dalam konteks **Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat** ini, perkataan di bawah membawa maksud seperti yang berikut:

i.

### AGENSI PENGUATKUASAAN

Ertinya merujuk kepada Akta 711, Agensi Penguatkuasaan bermaksud:

- (a) mana-mana Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan lain yang dibentuk oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan termasuk suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi Kementerian, Jabatan, Agensi atau badan itu, yang diberi fungsi penyiasaan dan penguatkuasaan oleh mana-mana undang-undang bertulis atau yang mempunyai kuasa penyiasaan dan penguatkuasaan.
- (b) suatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang diberi fungsi penyiasaan dan penguatkuasaan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri itu atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- (c) suatu Unit, Seksyen, Bahagian, Jabatan atau Agensi sesuatu badan yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan atau undang-undang Negeri yang mempunyai fungsi penyiasaan dan penguatkuasaan.

ii.

### POLISI

Ertinya Merujuk kepada Polisi Pelindungan Pemberi Maklumat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

iii.

### PEMBERI MAKLUMAT

Ertinya Mana-mana warga KPNDHEP yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar atau seseorang yang membuat laporan kepada Agensi Penguatkuasaan samada secara lisan atau bertulis.

iv.

### KELAKUAN TIDAK WAJAR

Ertinya apa-apa kelakuan yang jika terbukti, menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.

v.

### KESALAHAN TATATERTIB

Ertinya Apa-apa tindakan atau peninggalan yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib dalam badan awam atau badan swasta sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang- undang atau dalam suatu tatalaku, kod etika atau pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

vi.

## MAKLUMAT SULIT

Ertinya merujuk kepada Akta 711, “maklumat sulit” termasuklah:

- (a) maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya:
  - (i) seseorang pemberi maklumat
  - (ii) seseorang yang terhadapnya seseorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar
- (b) maklumat yang didedahkan oleh seseorang pemberi maklumat
- (c) maklumat yang, jika didedahkan, boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang

vii.

## TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

Ertinya merujuk kepada Akta 711 iaitu “gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang, termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, tred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut di atas”.

viii.

## MANA-MANA ORANG

Ertinya Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KPDNHEP sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

3.1 Tujuan polisi ini dibangunkan adalah:

- Untuk menggalakkan warga KPDNHEP tampil memberi maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar.
- Untuk memastikan pendedahan dibuat seawal mungkin mengikut prosedur yang telah ditetapkan.
  - a. Untuk melindungi Pemberi Maklumat dari sebarang tindak balas akibat daripada pendedahan yang telah dibuat.
  - b. Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan kelakuan tidak wajar oleh mana-mana warga KPDNHEP.

4.1 Polisi ini terpakai ke atas semua warga KPDNHEP.

4.2 Polisi ini juga boleh dijadikan panduan oleh rakan niaga/pemegang taruh atau mana-mana individu/organisasi ketika berurusan dengan KPDNHEP/fasiliti KPDNHEP.

5.1 Huraian ringkas **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**:

- a. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]: telah diluluskan di Parlimen pada 6 Mei 2010 bertujuan untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dengan menggalakkan dan memudahkan pendedahan kelakuan tidak wajar dalam sektor awam dan swasta.
- b. Akta 711 ini juga telah digubal untuk melindungi orang yang membuat pendedahan daripada tindakan yang memudaratkan, serta mendapat perlindungan.
- c. Akta 711 ini memperuntukkan perlindungan kepada pemberi maklumat iaitu melibatkan maklumat sulit pemberi maklumat, perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan serta kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah yang mungkin dihadapi oleh pemberi maklumat setelah membuat pendedahan kepada agensi penguatkuasaan.



d. Akta 711 ini juga memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan penyiasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan terhadap aduan tindakan yang memudaratkan serta memberi kuasa kepada pihak mahkamah untuk membuat perintah bagi remedi.

5.2

Pemberi maklumat yang layak diberikan perlindungan berdasarkan Akta 711 adalah seperti berikut:

- a. Pemberi maklumat bersedia untuk dikenali oleh pegawai yang diberi kuasa;
- b. Pemberi maklumat hadir sendiri atau berjumpa dengan pegawai yang diberi kuasa sama ada di pejabat atau di mana-mana tempat; dan
- c. Sekiranya pendedahan Kelakuan Tidak Wajar dibuat melalui surat/ email/ panggilan telefon/ khidmat pesanan ringkas, pemberi maklumat perlu menyatakan identiti dan alamat atau cara bagaimana beliau dapat dihubungi.

5.3

Antara jenis-jenis perlindungan yang diperuntukkan di bawah Akta 711 adalah:

- a. [Seksyen 7(1)(a)]-Identiti pemberi maklumat serta maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan kepada sesiapa pun termasuk semasa perbicaraan di mahkamah;
- b. [Seksyen 7(1)(b)]-Pemberi maklumat tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan sivil, jenayah atau tatatertib akibat daripada pendedahan maklumat tersebut;
- c. [Seksyen 7(1)(c)]-Pemberi maklumat dilindungi daripada sebarang tindakan yang memudaratkan hasil tindak balas pendedahan yang dibuat;
- d. [Seksyen 7(2)]-Pemberi maklumat tidak terjejas sekiranya pendedahan tidak wajar itu tidak membawa kepada apa-apa tindakan tatertib atau pendakwaan terhadap orang yang didedahkan; dan
- e. [Seksyen 7(3)]-Perlindungan turut diberikan kepada mereka yang mempunyai kaitan/ hubungan dengan pemberi maklumat.

Perlindungan Pemberi Maklumat berdasarkan Akta 711 akan **TERBATAL** di bawah keadaan seperti yang berikut:

- Pada saat pemberi maklumat mendedahkan kelakuan tidak wajar (aduan) dia sudah menikmati perlindungan di bawah Akta 711 ini.
- Perlindungan ini akan kekal selama-lamanya kecuali dibatalkan oleh Seksyen 11 Akta 711 ini.
- Merujuk kepada Akta 711 dibawah Perenggan 11(1)(F) antara sebab-sebab suatu perlindungan pemberi maklumat boleh dibatalkan adalah seperti yang berikut:
  - a. Perenggan 11(1)(a) – jika pemberi maklumat memberi alasan bahawa dia tidak tahu dia terlibat dengan kelakuan tidak wajar yang didedahkan atau telah dipaksa untuk turut sama terlibat dalam kelakuan tidak wajar tersebut, perlindungan pemberi maklumat hendaklah juga di batalkan di bawah perenggan 11(1)(a). Terpulanglah kepada pemberi maklumat untuk berkerjasama dengan agensi penguatkuasaan untuk membantu dalam penyiasatan dan menjadi saksi jika perlu, sebagai “*plea bargain*” untuk melepaskan dirinya daripada turut didakwa;
  - b. Perenggan 11(1)(b) – sekiranya sesuatu maklumat yang didedahkan adalah:
    - (i) berdasarkan kepercayaan munasabah pemberi maklumat tersebut; atau
    - (ii) pemberi maklumat tersebut tidak tahu bahawa maklumat tersebut tidak benar, dia tidak perlu menentukan sama ada maklumat tersebut adalah benar atau tidak kerana pendedahan kelakuan tidak wajar yang dibuat adalah bersandarkan kepada pengetahuan yang munasabah oleh pemberi maklumat itu;

Dalam kedua-dua kes ini, perlindungan pemberi maklumat tersebut kekal;

- c. Perenggan 11(1)(c) – penentuan sama ada sesuatu pendedahan adalah remeh-temeh bergantung kepada fakta kes. Garis panduan tentang perkara yang terjumlah kepada remeh-temeh hendaklah disediakan oleh agensi penguatkuasaan dengan bantuan Penasihat Undang Undang atau Timbalan Pendakwa Raya berdasarkan amalan sedia ada dan nas-nas kes mahkamah;

- d. Perenggan 11(1)(d) – agensi penguatkuasaan hendaklah memperoleh maklumat jelas bahawa pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut dibuat semata-mata untuk mempersoalkan, mempertikaikan, mengganggu atau menjejaskan pelaksanaan dasar Kerajaan sebelum memutuskan untuk membatalkan perlindungan di bawah perenggan ini.
- e. Perenggan 11(1)(e) – agensi penguatkuasaan hendaklah membuktikan bahawa pemberi maklumat telah membuat pendedahan untuk menghalang Jabatan atau majikannya mengambil tindakan terhadapnya berhubung dengan kesalahan yang telah dilakukan olehnya sebelum pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut. Dalam keadaan ini, agensi penguatkuasaan hendaklah berpuas hati dengan rangkaian keterangan yang dapat mewujudkan pertalian antara pendedahan kelakuan tidak wajar tersebut untuk menghalang tindakan diambil keatas kesalahan yang telah pemberi maklumat tersebut lakukan;
- f. Perenggan 11(1)(f) – hasil siasatan agensi penguatkuasaan menunjukkan bahawa pemberi maklumat telah melakukan suatu kesalahan dibawah Akta 711 iaitu sama ada:
  - (i) mendedahkan maklumat sulit: subseksyen 8(4);
  - (ii) membuat pernyataan palsu : seksyen 21;
  - (iii) menghalang pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawabnya: seksyen 22;
  - (iv) memusnahkan, memalsukan dan sebagainya dokumen: seksyen 23;
  - (v) bersubahat atau percubaan untuk melakukan kesalahan dibawah Akta ini : seksyen 24.

## 5.5 Permohonan Remedi

- Apabila pemberi maklumat mendapat ancaman atau diambil tindakan yang memudaratkan, pemberi maklumat boleh meminta agensi penguatkuasaan yang berkaitan memohon remedi daripada mahkamah bagi mendapatkan:
  - a. Ganti rugi/pampasan; dan/atau
  - b. Injunksi-apa-apa *relief* lain yang difikirkan perlu/patut

## TANGGUNGJAWAB UNIT INTEGRITI

- 6.1 Unit Integriti bertanggungjawab untuk menerima maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar dan menguruskan laporan kelakuan tidak wajar;
- 6.2 Segala maklumat atau aduan ini akan diteliti dan tindakan lanjut akan diambil sewajarnya berdasarkan peruntukan kuasa sedia ada.

## PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN

- 7.1 Suatu pendedahan yang dibuat sekiranya berkaitan dengan mana-mana salah laku berikut oleh mana-mana orang yang mempunyai urusan rasmi dengan KPDNHEP atau Agensi KPDNHEP boleh membuat suatu pendedahan berkaitan mana-mana salah laku Warga KPDNHEP seperti yang berikut:
- a. Rasuah/ penipuan;
  - b. Kesalahan Jenayah;
  - c. Salah guna wang atau harta KPDNHEP;
  - d. Kesalahan tata tertib;
  - e. Kesilapan pengurusan wang yang melampau dalam KPDNHEP;
  - f. Ketirisan hasil Kerajaan dan/atau penyelewengan peruntukan Kerajaan dalam KPDNHEP;
  - g. Suatu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga KPDNHEP/Agensi di bawah KPDNHEP atau orang awam;
  - h. Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana Akta dan Peraturan yang berkuat kuasa; atau
  - i. Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesalahan/ mana-mana kesalahan di atas.
- 7.2 Secara umumnya, semua aduan mengikut polisi ini boleh disalurkan kepada Pegawai Seksyen Aduan, Unit Integriti (**JADUAL 1**)

7.3

Pemberi maklumat yang ingin membuat pendedahan kelakuan tidak wajar berkaitan kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah boleh menyalurkan aduan melalui kaedah berikut:

a. Hadir sendiri berjumpa dengan Pegawai Seksyen Aduan, Unit Integriti

b. Aduan menerusi sistem e-aduan integriti 2.0 (Aduan Integriti)

<https://e-aduan.kpdnhep.gov.my>

c. Email kepada:

[integriti@kpdnhep.gov.my](mailto:integriti@kpdnhep.gov.my)

d. Surat Aduan kepada:

**Bahagian Integriti**

Kementerian Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna,  
Aras 6 (Podium 1) Persiaran Perdana, Presint 2,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62623, Putrajaya

e. Menghubungi talian:

03-8882 6886

08

## PEMATUHAN POLISI

8.1

Polisi ini wajib dipatuhi oleh semua warga KPDNHEP


09

## TARIKH KUAT KUASA

9.1

Pelaksanaan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat KPDNHEP berkuatkuasa mulai tarikh polisi ini dikeluarkan.

**CARTA ALIR  
PROSEDUR PENGURUSAN ADUAN**







**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**